

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(A)35**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA  
YB. GOOI ZI SEN**

35. Projek Perumahan Awam oleh Kerajaan Persekutuan.
- (a) Apakah status terkini projek pembangunan perumahan awam dan mampu milik Kerajaan Persekutuan, termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Pulau Pinang?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

35. Kerajaan Negeri sejak tahun 2017 telah mengemukakan permohonan ke atas pembinaan lebih banyak Program Perumahan Rakyat (PPR) atau kini dikenali sebagai Rumah Malaysia (Disewakan)-RMD di daerah Timur Laut di sebidang Tanah Kerajaan bersempadan Lot 10042 (Kota Giam), Lot 10042, Lot 10043, sebahagian Petak A, di Seksyen 1, Bandar Jelutong untuk mengatasi keperluan permohonan yang semakin meningkat. Kerajaan Negeri juga sedang mengenalpasti lain-lain tapak yang berpotensi dan sesuai untuk dibangunkan sebagai RMD dan juga RMM iaitu:

- (i) Tanah Kerajaan bersempadanan Lot 8741, Jalan Mayang Pasir, Mukim 12 di daerah Barat Daya;
- (ii) Tanah Kerajaan PT 741, Ujung Batu, Butterworth di daerah Seberang Perai Utara;
- (iii) Tanah Kerajaan Lot 1061-1065, 1072-1078 dan 1084-1088, Kampung Tongkang, Mukim 14 di daerah Seberang Perai Tengah; dan
- (iv) Tanah Milik CMI Lot 20841, 20842, 20843 Mukim 13, Batu Kawan di daerah Seberang Perai Selatan.

Kerajaan Pusat telah mengulangi komitmen untuk membekalkan dua (2) projek PPR/RMD di Negeri Pulau Pinang dalam Bajet 2022 iaitu satu di kawasan Pulau dan satu di kawasan Seberang Perai. Jika sekiranya KPKT tidak dapat melaksanakannya, maka Kerajaan Negeri sedia untuk melakukannya melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP).

Kerajaan Pusat juga melalui pelbagai agensi dan inisiatifnya perlu memainkan peranan lebih besar dalam menyumbangkan perumahan mampu milik. Agensi seperti UDA, PERDA, JKPSB, SPNB, PR1MA, PPA1M dengan peruntukan kewangan dan

bank tanah yang besar mampu menyediakan kemudahan asas rakyat ini. Berdasarkan rekod Kerajaan Negeri juga terdapat empat (4) projek PR1MA iaitu masing-masing tiga (3) di kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan satu (1) di kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai. Senarai projek tersebut adalah seperti berikut:

- (i) 1,554 RMM C dan 212 RMM B di Plot B, Jalan Lembah/Jalan Bukit Gambir oleh Tetuan Ideal Capital Venture Sdn. Bhd.;
- (ii) 1,312 RMM C di Plot C, Jalan Lembah/Jalan Bukit Gambir oleh Tetuan Ideal Capital Venture Sdn. Bhd.;
- (iii) 1,248 RMM C di Jalan Sungai Batu, Batu Feringghi oleh Tetuan Eastcape Vista Sdn. Bhd.; dan
- (iv) 1,017 RMM C di Permatang Pauh oleh Tetuan Excell Focus.

Pemajuan PR1MA di Permatang Pauh telah mula pembinaan pada 13 Disember 2017 dan telahpun siap pada 14 September 2021. Pemajuan PR1MA di Jalan Lembah/Jalan Bukit Gambir yang dikenali sebagai Ideal Residensi masih dalam peringkat pembinaan. Kerajaan Negeri menggesa agar agensi Kerajaan

Persekutuan sama-sama berunding dalam usaha menambah  
pembekalan rumah mampu milik di Negeri Pulau Pinang.